

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-21
Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior
Kuliah Maghrib kali ke-105

Ditanya kepada Imam Asy-Syafi'i : *"Bilakah seseorang itu dipandang 'alim?"*

Dia menjawab : *"Apabila dia yakin pada sesuatu ilmu lalu diajarinya ilmu itu. Kemudian dia menempuh ilmu-ilmu yang lain, maka dilihatnya mana yang belum diperolehnya. Ketika itu barulah dia seorang 'alim."*

Adapun maksudnya dengan ilmu fiqh dan perdebatan di dalamnya adalah semata-mata Wajah Allah Ta'ala. Dalil untuk itu ialah riwayat yang menerangkan bahawa Imam Asy-Syafi'i pernah berkata : *"Aku ingin manusia mengambil manfaat daripada ilmu ini dan ilmu-ilmu lain yang ada padaku, meskipun sedikit."*

Maka lihatlah betapa Imam Asy-Syafi'i memerhatikan kepada bahaya ilmu dan mencari nama baginya.

Berkata Imam Ahmad bin Hanbal : *"Tidak pernah aku melakukan solat selama 40 tahun, yang aku tidak berdoa kepada Imam Asy-Syafi'i."*

Kerana banyaknya doa Imam Ahmad bin Hanbal kepada Imam Asy-Syafi'i, maka bertanyalah anaknya : *"Orang manalah Asy-Syafi'i itu sampaikan ayah mendoakan semua doa ini?"*

Maka Imam Ahmad bin Hanbal menjawab : *"Wahai anakku! Imam Asy-Syafi'i itu adalah seumpama matahari bagi dunia dan kesihatan bagi manusia."*

Lihatlah, adakah bagi dua perumpamaan tadi orang yang dapat menggantikannya?

Imam Ahmad pernah berkata : *"Tiada seorang pun menyentuh botol tinta dengan tangannya melainkan ada jasa Imam Asy-Syafi'i padanya."*

Yahya bin Said Al-Qattan berkata : *“Tidak pernah aku bersolat selama 40 tahun, yang aku tidak berdoa di dalamnya kepada Imam Asy-Syafi’i. Kerana Allah Azza wa Jalla telah membuka ilmu baginya dan memberinya taufik kepada jalan yang benar.”*

Adapun akan Imam Malik, maka dia juga berpakaian dengan yang lima perkara itu.

1. ‘Abid (rajin beramal ibadah)
2. Zahid (seorang yang zuhud, tidak cinta akan dunia)
3. ‘Alim (banyak ilmu agama)
4. Sedar dan faham kepentingan umat.
5. Melakukan segala sesuatu kerana mengharapkan Wajah Allah Ta’ala (keredhaan-Nya, kasih sayang-Nya, benar-benar ikhlas)

Ini lah 5 perkara di mana yang diikuti oleh ulama fiqh sekarang daripada keseluruhannya hanyalah satu perkara sahaja, iaitu memberi tenaga dan bersangatan membuatkan fiqh itu bercabang-cabang.

Imam Malik sangat memuliakan ilmu agama, sehingga apabila dia hendak meriwayatkan hadith, maka terlebih dahulu dia mengambil wudhuk dan duduk di hadapan tempat duduknya dengan menyisirkan janggutnya, memakai bau-bauan serta duduk dengan tenang dan bersikap, maka barulah dia meriwayatkan hadith itu.

Kerana caranya sebegitu, maka orang bertanya kepadanya lalu dia menjawab : *“Aku suka membesarkan hadith Rasulullah saw.”*

...ucapan Imam Asy-Syafi’i : *“Aku melihat Imam Malik ketika diajukan kepadanya 48 masalah, maka dia menjawab tentang 32 daripada masalah-masalah itu : “Aku tidak tahu.”*

Orang yang bertujuan dengan ilmunya bukan Wajah Allah Ta'ala tentu tidak bersedia mengaku tidak tahu.

Imam Asy-Syafi'i berkata : *“Apabila disebut nama ulama, maka Malik ialah bintangnya yang cemerlang. Dan tidak ada seorang pun yang lebih banyak jasanya kepada aku daripada Imam Malik.”*

Menurut riwayat, Khalifah Abu Ja'far Al-Mansur melarang Imam Malik daripada meriwayatkan hadith tentang talak daripada orang yang dipaksakan. Kemudian Abu ja'far mengancam orang yang bertanyakan hal itu kepada Imam Malik. Lalu Imam Malik menyambut ancaman tadi dengan meriwayatkan di muka umum hadith Nabi yang menerangkan bahawa tidak jatuh talak orang yang dipaksa. Maka khalifah menyuruh pukul Imam Malik dengan cemeti, tetapi dia terus meriwayatkan hadith itu.

Tentang zuhudnya Imam Malik menghadapi dunia, dibuktikan oleh riwayat bahawa Khalifah Al-Mahdi bertanya kepada Imam Malik :
“Adakah tuan memiliki rumah?”
“Tidak ada,” jawab Imam Malik.

Khalifah Harun Ar-Rasyid bertanya kepada Imam Malik : *“Adakah tuan mempunyai rumah?”*
“Tidak ada,” jawabnya.

Lalu Harun Ar-Rasyid menganugerahkan wang 3,000 dinar kepada Imam Malik seraya mengatakan : *“Belilah rumah dengan wang ini.”*
Imam Malik mengambil wang itu tetapi tidak dibelinya rumah.

INTIPATI PELAJARAN KALI INI

Apakah antara ciri orang 'alim?

1. Ada ilmu.
2. Menyampaikan ilmu yang dia ada.
3. Cari ilmu-ilmu yang lain (maksudnya kena tahu beberapa bidang ilmu).

Apakah maksud mengharapkan Wajah Allah Ta'ala?

Maksud sebenarnya tidak tercapai untuk disampaikan dalam bahasa manusia atau mana-mana makhluk. Untuk mengelakkan daripada orang awam tersalah faham, maka para ulama mentakwilkannya. Antara takwilnya ialah mengharapkan keredhaan Allah. Maksudnya melakukan sesuatu dengan benar-benar ikhlas.

Imam Ahmad bin Hanbal (pengasas Mazhab Hanbali) mendoakan gurunya Imam Syafi'i selama 40 tahun.

Imam Ahmad juga mengtakan Imam Syafi'i ibarat matahari bagi manusia (maksudnya penyuluh keagamaan dan keselamatan bagi manusia) dan kesihatan bagi manusia (maksudnya sangat-sangat diperlukan).

Apakah 5 'pakaian' para ulama mazhab?

1. 'Abid
2. Zahid
3. 'Alim
4. Fikir umat.
5. Ikhlas.

Yang diikuti sebahagian ulama fiqh zaman ini hanyalah 'alimnya sahaja.

Bolehkah kita 'membesarkan' sunnah-sunnah Rasulullah sebagaimana Imam Malik?

Boleh.

Adakah ia satu tuntutan?

Tidak.

Dapat pahalakah buat begitu?

Kita buat bukan kerana untuk dapat pahala. Tetapi kerana kecintaan kepada Rasulullah dan sunnah-sunnahnya. Tidak dapat pahala pun tidka mengapa, asalkan tidak berdosa.

IMBASAN KULIAH SEBELUM INI

Kita hendaklah berkata-kata dengan ilmu dan pemahaman, bukan dengan agak-agakan atau mengikut perasaan. Sekiranya kita kurang pengetahuan tentang sesuatu perkara, lebih-lebih lagi dalam hal ehwal agama, lebih baiklah kita berdiam diri. Begitu lebih selamat.

Apabila kita sudah ada ilmu, janganlah kita mencemarnya dengan dosa-dosa.

Ramai orang mengaku mencintai Tuhan tetapi amal hati dan amal zahir mereka jelas menunjukkan mereka mencintai dunia. Mencintai Tuhan dan mencintai dunia tidak boleh berada dalam satu hati serentak.

Mencintai dunia salah, meninggalkan terus dunia pun salah. Yang betulnya, ambillah dunia dan/tapi cintailah Allah.

Kita hendaklah membiasakan diri berkorban wang dan harta pada jalan Allah, tetapi janganlah sampai kita sengaja mencari hidup yang dalam kesempitan dan selalu menyusahkan orang lain.

Bacalah Al-Quran setiap hari, dan baca jugalah tafsir atau terjemahannya setiap hari. Oleh itu belilah sekurang-kurangnya sebuah Quran yang ada terjemahan. Dengan mengetahui maknanya, dapatlah kita menghayati maksud kalam Tuhan di dalamnya.

Dalam usaha mencapai kesempurnaan iman, kita mestilah melaksanakan amar makruf (mengajak kepada kebaikan) dan nahi mungkar (mencegah daripada kemungkaran).

Umumnya dalam kitab-kitab fiqh tidak ada ilmu soal-soal hati. Sesiapa yang berasa cukup dengan pelajaran dan kitab-kitab fiqh, berada dalam kerugian yang amat sangat.

Bagaimanakah mendapat keteguhan hati?

Selepas lulus ujian Allah.

Siapakah antara nabi-nabi yang paling hebat menerima ujian dan tabah menghadapinya?

Para rasul Ulul Azmi iaitu:

1. Nabi Nuh
2. Nabi Ibrahim
3. Nabi Musa
4. Nabi Isa
5. Nabi Muhammad saw.

Mengapa Tuhan jadikan kita manusia?

Dia boleh menjadikan kita makhluk yang lain, dan boleh juga tidak menjadikan kita langsung. Tapi Dia menjadikan kita manusia antara sebabnya:

1. Ia termasuk dalam rahsia Allah. Hanya Dia yang tahu hakikatnya.
2. Kerana sangat kasih sayangNya Dia kepada kita, agar kita boleh menikmati nikmat akal, berfikir, berperasaan dan lain-lain.
3. Kerana Dia mahu kita merasai nikmat2 lain seperti nikmat makan, memandang, berbual, berkeluarga, berhibur dan lain-lain.

